

NEWSPAPER CLIPPING  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 30/10/2009

## Partikel uranium boleh jejas negara kita - Dr. M

UM - 30/10/09

KUALA LUMPUR 29 Okt. - Malaysia tidak selamat daripada kesan uranium iaitu bahan untuk menghasilkan senjata nuklear hanya kerana peperangan tidak berlaku di negara ini.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, kesan penggunaan uranium oleh negara tertentu masih boleh dirasakan di negara ini kerana partikel uranium boleh dibawa udara.

"Kita tidak boleh mengatakan Malaysia bebas daripada sebarang kesan peperangan kerana tidak ada perang di Malaysia.

"Apabila negara-negara tertentu menggunakan uranium, udara boleh membawa partikel bahan tersebut sehingga ke negara ini. Oleh itu Malaysia tidak terkecuali untuk menerima kesan daripada peperangan," katanya.

Dr. Mahathir yang juga Pengerusi Pertubuhan Keamanan Sedunia Perdana berkata demikian ketika mempengerusikan satu sesi perbincangan pada hari kedua Persidangan Antarabangsa Menjenayahkan Perang di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC)

di sini hari ini.

Jelas beliau, pergerakan uranium melalui udara Malaysia sebenarnya tidak terkecuali daripada kesan penggunaan uranium.

Salah sebuah negara Asia yang didakwa menjalankan operasi pengayaan uranium bagi menghasilkan senjata nuklear ialah Iran.

Tambah Dr. Mahathir, esok Suruhanjaya Jenayah Perang Kuala Lumpur akan menerima petisyen dan mendengar testimoni daripada mangsa-mangsa peperangan serta bekas tahanan kem Teluk Guantanamo.